
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)

1. LATAR BELAKANG

1.1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) telah ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [*Akta 566*] yang berkuat kuasa pada 1 Julai 1997. Fungsi PTPTN adalah antaranya memberi dan menguruskan pinjaman bagi tujuan pendidikan tinggi serta mengutip bayaran balik pinjaman. Kemudahan pinjaman pendidikan PTPTN adalah terbuka kepada pelajar yang menyambung pengajian peringkat diploma hingga doktor falsafah di Institusi Pendidikan Tinggi (IPT) tempatan sahaja.

1.2. Sejak penubuhan PTPTN pada tahun 1997 hingga 31 Disember 2023, PTPTN telah memberikan pinjaman pendidikan berjumlah RM71.310 bilion kepada 3.95 juta peminjam. Jumlah pinjaman pendidikan yang diluluskan kepada peminjam adalah antara RM2,380 hingga RM50,000 setahun tertakluk kepada peringkat pengajian, pendapatan ibu bapa dan institusi pengajian peminjam. Selain itu, pinjaman pendidikan PTPTN adalah dilindungi oleh takaful di mana PTPTN akan memperoleh amaun manfaat daripada syarikat takaful bagi menyelesaikan bayaran balik pinjaman pendidikan peminjam yang meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal.

1.3. Tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan adalah antara lima tahun hingga 20 tahun dan dinyatakan dalam Jadual Bayaran Balik (JBB) perjanjian pinjaman. Peminjam perlu membuat bayaran balik pinjaman pendidikan pada bulan ke-13 selepas peminjam tamat pengajian. Bayaran balik pinjaman adalah tertunggak sekiranya tidak diterima pada bulan ke-13 selepas tamat pengajian atau tidak mengikut JBB. Semua peminjam akan dikenakan caj kos pentadbiran sebanyak 1% setahun daripada jumlah pinjaman pendidikan bermula pada bulan ke-13 selepas tamat pengajian.

1.4. Peminjam boleh membuat bayaran secara sekaligus ataupun ansuran. Kaedah bayaran adalah melalui potongan gaji, debit terus, pengeluaran Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), melalui kaunter atau secara dalam talian. Pada 31 Disember 2023, bayaran balik pinjaman pendidikan adalah berjumlah RM3.553 bilion termasuk bayaran balik pinjaman melalui tuntutan amaun manfaat takaful, insentif diskaun dan pengecualian bayaran balik pinjaman.

1.5. Bagi menggalakkan peminjam membayar balik pinjaman, PTPTN telah memperkenalkan Insentif Diskaun Bayaran Balik Pinjaman. Kadar diskau bayaran balik pinjaman pendidikan diumumkan ketika pembentangan belanjawan tahunan dan kadar ini berubah mengikut dasar Kerajaan pada tahun tersebut. Pada pembentangan Belanjawan 2023, kadar diskau adalah untuk tempoh 1 Mac hingga 31 Mei 2023 dengan kadar seperti berikut:

- i. Diskaun 20% atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman.
- ii. Diskaun 15% untuk bayaran sekurang-kurangnya 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran.
- iii. Diskaun 15% untuk bayaran secara potongan gaji atau debit terus berjadual.
- iv. Diskaun 5% untuk bayaran melalui aplikasi myPTPTN.

1.6. Selain itu, PTPTN juga melaksanakan Insentif Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan kepada peminjam yang menamatkan pengajian dengan kelulusan Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya sejak tahun 2001. Pelupusan pinjaman pendidikan bagi pelajar yang memperoleh kelas pertama adalah 100%. Ia adalah sebagai dorongan kepada semua peminjam untuk belajar bersungguh-sungguh dan mendapat kelulusan yang terbaik dalam pengajian mereka.

1.7. Bagi melaksanakan dasar Kerajaan seperti Insentif Diskaun Bayaran Balik Pinjaman dan Insentif Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan, Kerajaan telah membuat bayaran semula kepada PTPTN setiap tahun berdasarkan kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Selain itu, Kerajaan juga bersetuju untuk membiayai bayaran balik kos dana pinjaman kepada PTPTN. Pengeluaran dana kepada PTPTN dilaksanakan secara berperingkat berdasarkan kaedah tuntutan bayaran balik (reimbursement).

1.8. Di peringkat awal penubuhan PTPTN, Kerajaan telah memberikan peruntukan untuk membiayai pinjaman pendidikan berjumlah RM5.295 bilion untuk tempoh tahun 1997 hingga 2002. Mulai tahun 2003, PTPTN tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan untuk membiayai pinjaman pendidikan. Seterusnya, bagi menjalankan fungsi PTPTN sebagai pemberi utama pinjaman pendidikan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia, PTPTN telah membuat pinjaman daripada Institusi Kewangan Tempatan dan penerbitan Program Sukuk Berjaminan Kerajaan. Sehingga 31 Disember 2023, dana pinjaman oleh PTPTN dengan institusi kewangan berbaki sejumlah RM41.130 bilion.

2. KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN PENDIDIKAN

2.1. Sehingga 31 Disember 2023, baki pinjaman pendidikan PTPTN berjumlah RM43.677 bilion selepas mengambil kira pengurangan dan penambahan pinjaman bagi tahun tersebut. Kedudukan baki pinjaman pendidikan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2023 seperti dalam **Jadual 1**.

JADUAL 1
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN PENDIDIKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2023

BIL	TAHUN	PINJAMAN PENDIDIKAN (RM Bilion)			
		BAKI PADA 1 JANUARI	PENGURANGAN	PENAMBAHAN	BAKI PADA 31 DISEMBER
1.	2014	32.848	1.111	4.611	36.348
2.	2015	36.348	1.436	4.339	39.251
3.	2016	39.251	3.349	4.300	40.202
4.	2017	40.202	4.029	3.613	39.786
5.	2018	39.786	4.828	4.634	39.592
6.	2019	39.592	3.747	5.001	40.846
7.	2020	40.846	1.277	3.394	42.963
8.	2021	42.963	2.272	3.368	44.059
9.	2022	44.059	3.596	3.552	44.015
10.	2023	44.015	3.944	3.606	43.677

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.2. Kedudukan Tunggakan Bayaran Balik dan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan Bagi Tempoh Tahun 2014 Hingga 2023

2.2.1. Sehingga 31 Disember 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan adalah berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.20 juta peminjam. Tempoh usia tunggakan adalah antara kurang setahun hingga melebihi 12 tahun. Bagi tempoh tahun 2014 hingga 2023, tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertinggi direkodkan adalah pada tahun 2023 yang berjumlah RM10.853 bilion melibatkan 1.20 juta peminjam. Manakala tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan terendah adalah pada tahun 2018 berjumlah RM6.348 bilion melibatkan 0.97 juta peminjam. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 2**.

JADUAL 2
TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2023

TAHUN	PEMINJAM (BILANGAN)	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN	PERUBAHAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN DARI TAHUN SEBELUMNYA [MENINGKAT/(MENURUN)]	
		(RM Bilion)	(RM Bilion)	%
2014	1,046,055	9.848	-	-
2015	1,216,477	9.887	0.039	0.4
2016	1,198,049	8.159	(1.728)	(17.5)
2017	993,205	6.547	(1.612)	(19.8)
2018	972,587	6.348	(0.199)	(3.0)
2019	981,174	7.313	0.965	15.2
2020	1,185,581	8.567	1.254	17.1
2021	1,181,691	9.270	0.703	8.2
2022	1,212,887	10.071	0.801	8.6
2023	1,204,064	10.853	0.782	7.8

Sumber: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.2.2. Bayaran balik pinjaman pendidikan bagi tahun 2014 hingga 2023 adalah berjumlah RM26.414 bilion melibatkan 106.09 juta transaksi. Kaedah bayaran balik pinjaman adalah melalui potongan gaji, debit terus, KWSP serta kaedah-kaedah lain seperti bayaran di kaunter dan dalam talian. Jumlah transaksi tertinggi kutipan adalah mengikut kaedah-kaedah lain, iaitu 62.38 juta transaksi diikuti dengan kaedah potongan gaji sebanyak 23.84 juta transaksi. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 3**.

JADUAL 3
BAYARAN BALIK MENGIKUT KAEADAH
BERDASARKAN TRANSAKSI BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2023

TAHUN	JUMLAH BAYARAN BALIK (RM Bilion)	KAEADAH BAYARAN BALIK PINJAMAN (BILANGAN TRANSAKSI)				
		POTONGAN GAJI	DEBIT TERUS	KWSP	KAUNTER / DALAM TALIAN	JUMLAH
2014	0.717	-	-	7,414	3,649,095	3,656,509
2015	1.444	217,419	-	45,287	4,672,524	4,935,230
2016	3.427	603,676	4,072	273,897	7,825,878	8,707,523
2017	5.192	4,118,021	978,523	363,560	7,345,544	12,805,648
2018	2.372	4,283,326	2,048,736	277,745	6,339,597	12,949,404
2019	2.345	3,904,780	2,268,704	262,112	6,198,511	12,634,107
2020	1.533	1,258,376	775,466	158,333	4,420,496	6,612,671
2021	2.597	3,255,557	2,493,260	131,132	7,650,555	13,530,504
2022	3.234	3,222,957	4,319,744	151,847	7,233,283	14,927,831
2023	3.553	2,979,504	5,000,415	313,856	7,040,622	15,334,397
JUMLAH	26.414	23,843,616	17,888,920	1,985,183	62,376,105	106,093,824

Nota: Tiada bayaran balik pinjaman melalui kaedah potongan gaji pada tahun 2014 dan tiada bayaran balik pinjaman melalui kaedah debit terus pada tahun 2014 dan 2015

Sumber: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.2.3. Analisis Audit mendapati peratusan bayaran balik pinjaman pendidikan yang diterima oleh PTPTN bagi tempoh tahun 2014 hingga 2023 adalah antara 7.3% hingga 79.3% berbanding tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan yang direkodkan. Analisis menunjukkan kutipan bayaran balik tertinggi berbanding tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan adalah pada tahun 2017, iaitu sejumlah RM5.192 bilion (79.3%). Manakala kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan yang terendah adalah pada tahun 2014 berjumlah RM0.717 bilion (7.3%). Butirannya adalah seperti dalam **Jadual 4**.


JADUAL 4
PERBANDINGAN ANTARA TUNGGAKAN BAYARAN BALIK DAN
BAYARAN BALIK BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH 2014 HINGGA 2023

TAHUN	PINJAMAN PENDIDIKAN		
	TUNGGAKAN BAYARAN BALIK (RM Bilion)	BAYARAN BALIK (RM Bilion)	%
2014	9.848	0.717	7.3
2015	9.887	1.444	14.6
2016	8.159	3.427	42.0
2017	6.547	5.192	79.3
2018	6.348	2.372	37.4
2019	7.313	2.345	32.1
2020	8.567	1.533	17.9
2021	9.270	2.597	28.0
2022	10.071	3.234	32.1
2023	10.853	3.553	32.7

Sumber: Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.2.4. Kutipan bayaran balik tertinggi pada tahun 2017 adalah kesan daripada tindakan penguatkuasaan yang tegas seperti penyenaraian hitam peminjam dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit Pusat (CCRIS) serta mewajibkan potongan gaji bagi kakitangan awam. Walau bagaimanapun, penguatkuasaan ini telah dihentikan pada tahun 2018 menyebabkan penurunan kutipan bayaran balik dari tahun 2018 dan seterusnya. Trend tunggakan bayaran balik dan bayaran balik pinjaman pendidikan bagi tempoh tahun 2014 hingga 2023 adalah seperti di **Carta 1**.

CARTA 1
TREND TUNGGAKAN BAYARAN BALIK DAN BAYARAN
BALIK PINJAMAN PENDIDIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2023



Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Maklum Balas PTPTN diterima pada 19 Disember 2024

Salah satu usaha PTPTN untuk meningkatkan kutipan balik pinjaman adalah melaksanakan semula tindakan penguatkuasaan yang telah terhenti pelaksanaannya pada tahun 2018. Sehubungan itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 5 Julai 2024 telah bersetuju dengan permohonan PTPTN, melalui Memorandum daripada Menteri Pendidikan Tinggi mengenai "Cadangan Menguatkuaskan Semula Bayaran Balik Pinjaman PTPTN". Pelaksanaan semula tindakan penguatkuasaan ini dicadangkan secara berperingkat mulai 1 Ogos 2024.

Sehingga 30 November 2024, terdapat pengurangan tunggakan pinjaman berjumlah RM640.09 juta (5.9%) daripada RM10.853 bilion yang melibatkan 1.20 juta peminjam bagi baki tunggakan pinjaman sehingga tahun 2023.

2.3. Pengusiaan Tunggakan Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan

2.3.1. Sehingga 31 Disember 2023, tempoh usia tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan adalah antara kurang setahun hingga melebihi 12 tahun. Analisis Audit mendapati pengusiaan tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan tertinggi adalah antara 4 hingga 6 tahun berjumlah RM3.374 bilion bagi 302,613 peminjam. Pengusiaan tunggakan bayaran balik pinjaman pendidikan melebihi 12 tahun adalah berjumlah RM0.815 bilion bagi 18,119 peminjam. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 5**.

JADUAL 5
PENGUSIAAN TUNGGAKAN BAYARAN BALIK
PINJAMAN PENDIDIKAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2023

TEMPOH	BIL. PEMINJAM	RM Bilion	PERATUS (%)
Kurang 1 Tahun	298,804	0.227	2.1
1 Hingga 3 Tahun	358,174	1.572	14.5
4 Hingga 6 Tahun	302,613	3.374	31.1
7 Hingga 9 Tahun	127,877	2.310	21.3
10 Hingga 12 Tahun	98,477	2.555	23.5
>12 Tahun	18,119	0.815	7.5
JUMLAH	1,204,064	10.853	100

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.4. Tindakan Kutipan Balik Pinjaman dan Tuntutan Takaful

2.4.1. PTPTN telah melaksanakan tindakan untuk mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan daripada peminjam selaras dengan peruntukan seksyen 23 Akta 566. Tindakan yang diambil adalah melalui Surat Pemakluman Tunggakan, Surat Peringatan 1, 2 dan 3, Surat Peringatan Tindakan Penguatkuasaan, Notis Tuntutan (NOD), Saman dan Penghakiman serta Sekatan Perjalanan. Bagaimanapun, tindakan untuk mengutip bayaran balik pinjaman pendidikan secara penguatkuasaan telah dihentikan mulai tahun 2018 hingga 2023. Pada tahun 2023, PTPTN telah mengeluarkan Surat Pemakluman Tunggakan kepada 554,416 peminjam.

2.4.2. Selain itu, pinjaman pendidikan PTPTN adalah dilindungi oleh takaful di mana PTPTN akan memperoleh amaun manfaat daripada syarikat takaful bagi menyelesaikan pinjaman pendidikan peminjam yang meninggal dunia atau mengalami keilatan kekal. Bagi tempoh tahun 2014 hingga tahun 2023, PTPTN telah menerima amaun manfaat takaful berjumlah RM197 juta daripada syarikat takaful bagi 10,616 peminjam yang telah meninggal dunia dan RM5.25 juta bagi 237 peminjam yang mengalami keilatan kekal. Butiran lanjut seperti dalam **Jadual 6**.

JADUAL 6
AMAUN MANFAAT TAKAFUL
YANG DITERIMA OLEH PTPTN BAGI TEMPOH TAHUN 2014 HINGGA 2023

TAHUN MANFAAT DITERIMA	KEMATIAN		KEILATAN KEKAL		JUMLAH	
	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)
2014	576	10.56	30	0.57	606	11.13
2015	803	14.17	27	0.64	830	14.81
2016	873	17.45	18	0.42	891	17.87
2017	1,137	20.41	37	0.88	1,174	21.29
2018	1,368	25.19	44	1.13	1,412	26.32
2019	1,051	19.25	27	0.43	1,078	19.68

TAHUN MANFAAT DITERIMA	KEMATIAN		KEILATAN KEKAL		JUMLAH	
	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)	PEMINJAM (BILANGAN)	AMAUN MANFAAT (RM Juta)
2020	901	17.16	33	0.75	934	17.91
2021	474	8.85	11	0.22	485	9.07
2022	1,756	32.96	6	0.13	1,762	33.09
2023	1,677	31.00	4	0.08	1,681	31.08
JUMLAH	10,616	197.00	237	5.25	10,853	202.25

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.4.3. Bayaran balik pinjaman pendidikan yang tidak dapat dikutip menyebabkan PTPTN menghadapi risiko kekurangan sumber untuk mengeluarkan pinjaman baharu kepada peminjam yang layak.

Maklum Balas PTPTN diterima pada 19 Disember 2024

Sehingga 16 Disember 2024, proses pelaksanaan tindakan penguatkuasaan kutipan bayaran balik pinjaman pendidikan adalah seperti berikut:

a. Penguatkuasaan melalui pengeluaran

- i. Surat Peringatan 1, 2 dan 3

TARIKH	PERKARA	BILANGAN PEMINJAM	CATATAN
21/10/2024	Surat Peringatan 1	592,958	Tunggakan 3 hingga 120 bulan
21/11/2024	Surat Peringatan 2	554,842	Tunggakan 4 hingga 120 bulan
16/12/2024	Surat Peringatan 3	513,431	Tunggakan 5 hingga 120 bulan

- ii. Surat Peringatan Tindakan Penguatkuasaan dihantar pada 11 November 2024 kepada 25,257 orang peminjam.
- iii. Notis Tuntutan (NOD) mula dihantar pada 26 November 2024, melibatkan 3,580 peminjam setakat 14 Disember 2024 dan tindakan ini masih berterusan.
- iv. Saman dan Penghakiman akan dilaksanakan.

b. Sekatan Perjalanan Ke Luar Negara Ke Atas Penghutang PTPTN

E-mel makluman awal sekatan perjalanan ke luar negara telah mula dihantar pada 16 Disember 2024 kepada 10,388 peminjam.

PTPTN turut mempergiatkan pelbagai kempen untuk mengutip semula tunggakan pinjaman pendidikan seperti Kempen Bayar Konsisten, Hati Senang; Kempen myPTPTN Mudah, Cepat & Selamat; dan Kempen Bayar Tunggakan RM300. Selain itu, PTPTN turut mempertimbangkan pelantikan Agensi Perunding Hutang (Debt Collector) mulai tahun 2025.

Maklum Balas PTPTN diterima pada 10 Januari 2025

PTPTN juga telah mewujudkan kerjasama dengan rakan strategik, iaitu agensi Kerajaan Persekutuan dan Negeri serta majikan swasta. Melalui kerjasama strategik ini, PTPTN telah berjaya meningkatkan jumlah bayaran balik pinjaman berjumlah RM120.10 juta sehingga 31 Disember 2024.

2.5. Pembiayaan Terhadap Kos Dana Pinjaman

2.5.1. Bagi menjalankan fungsi PTPTN sebagai pemberi utama pinjaman pendidikan dalam sistem pendidikan tinggi di Malaysia, PTPTN telah membuat pinjaman daripada Institusi Kewangan Tempatan dan penerbitan Program Sukuk Berjaminan. Kementerian Kewangan (MoF) telah meluluskan penyaluran peruntukan belanja mengurus di bawah butiran Subsidi Kadar Faedah Imbuhan Tabung Pinjaman kepada PTPTN. Kelulusan peruntukan ini diberi secara tahunan untuk membiayai kos dana pinjaman PTPTN.

2.5.2. Pada 31 Disember 2023, baki keseluruhan dana pinjaman daripada Institusi Kewangan Tempatan adalah berjumlah RM41.130 bilion berbanding RM41.500 bilion pada tahun 2022. Kerajaan telah membiayai sepenuhnya kos dana pinjaman atau sukuk dengan menyalurkan geran sejumlah RM8.359 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023 kepada PTPTN. Butiran adalah seperti dalam **Jadual 7**.

JADUAL 7
DANA PINJAMAN DAN KOS DANA
PINJAMAN/SUKUK BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

TAHUN	DANA PINJAMAN (RM Bilion)	KOS DANA PINJAMAN/SUKUK (RM Bilion)
2019	37.300	1.752
2020	39.800	1.609
2021	40.000	1.602
2022	41.500	1.674
2023	41.130	1.722
JUMLAH		8.359

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

2.6. Perbelanjaan Bagi Pelaksanaan Insentif Diskaun Bayaran Balik Pinjaman dan Insentif Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman

2.6.1. PTPTN telah menyediakan Insentif Diskaun Bayaran Balik Pinjaman antara 5% hingga 20% terhadap baki pinjaman pendidikan bagi menggalakkan penyelesaian pinjaman. Selain itu, berdasarkan Pekeliling PTPTN Bil. 2 Tahun 2003, dasar pinjaman boleh ubah untuk pelajar IPT adalah melalui Insentif Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman Pendidikan di mana pelupusan pinjaman 100% diberikan kepada peminjam yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya. Bagaimanapun, dasar ini juga terpakai kepada peminjam yang memperoleh ijazah kelas pertama sebelum tahun 2003.

2.6.2. Bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023, PTPTN telah menanggung perbelanjaan insentif diskon bayaran balik dan insentif pengecualian bayaran balik pinjaman berjumlah RM1.548 bilion. Permohonan bayaran balik bagi perbelanjaan ini dibayar secara berperingkat oleh Kerajaan Persekutuan kepada PTPTN mulai tahun 2015. Kerajaan Persekutuan telah membuat bayaran semula berjumlah RM1.268 bilion kepada PTPTN bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Pembayaran semula ini adalah tertakluk kepada kedudukan kewangan semasa Kerajaan. Jumlah perbelanjaan yang belum dibayar semula oleh Kerajaan Persekutuan direkodkan sebagai Pinjaman Pendidikan dalam Penyata Kewangan. Tuntutan yang belum dibayar semula untuk perbelanjaan bagi tahun 2019 hingga 2023 adalah berjumlah RM0.280 bilion. Butiran terperinci seperti dalam **Jadual 8**.

JADUAL 8
PERBELANJAAN INSENTIF PTPTN DAN BAYARAN SEMULA
KERAJAAN PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2019 HINGGA 2023

TAHUN	PERBELANJAAN INSENTIF PTPTN (RM Bilion)	BAYARAN SEMULA KERAJAAN PERSEKUTUAN (RM Bilion)	
		TELAH BAYAR	BAKI
2019	0.139	0.126	0.013
2020	0.154	0.365	(0.211)
2021	0.207	0.212	(0.005)
2022	0.437	0.193	0.244
2023	0.611	0.372	0.239
JUMLAH	1.548	1.268	0.280

Sumber : Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Maklum Balas PTPTN diterima pada 27 Disember 2024

Permohonan bayaran semula bagi perbelanjaan ini dibayar secara berperingkat oleh Kerajaan kepada PTPTN mulai tahun 2015, iaitu selaras dengan surat MoF rujukan KK/BPKA/M5/(S)/6969/JLD.8 bertarikh 5 Februari 2014. Sehubungan itu, bagi pelaksanaan insentif untuk tahun 2019 hingga 2023, PTPTN membuat permohonan secara konsisten kepada MoF bagi tujuan bayaran semula Kerajaan kepada PTPTN.

Maklum Balas PTPTN diterima pada 10 Januari 2025

PTPTN telah menerima bayaran balik pelaksanaan insentif tersebut daripada Kerajaan Persekutuan sejumlah RM332.17 juta pada 2 Januari 2025.

Maklum Balas Kementerian Kewangan diterima pada 26 Disember 2024

Berhubung dengan tunggakan tuntutan yang belum dibayar semula bagi perbelanjaan tahun 2019 hingga 2023 yang berjumlah RM280.15 juta, MoF mengambil maklum jumlah tersebut dan sebarang penyaluran peruntukan Kerajaan adalah tertakluk kepada kemampuan kewangan Kerajaan seperti mana yang dimaklumkan melalui surat MoF kepada PTPTN bertarikh 5 Februari 2014, iaitu akan membuat bayaran tertungggak secara berperingkat sebanyak RM200 juta setahun serta tuntutan tahun semasa mulai tahun 2015.

Sepanjang tahun 2019 hingga 2023, Kerajaan telah menyediakan peruntukan awal tahun sebanyak RM1.500 bilion setahun di bawah Anggaran Belanja Mengurus (B11) dan keutamaan Kerajaan adalah untuk memastikan pembayaran kos dana (bayaran kupon sukuk PTPTN) yang telah meningkat sebanyak RM1.660 bilion secara purata 5 tahun diperjelaskan dahulu. Kerajaan akan menyalurkan peruntukan tambahan kepada PTPTN untuk menampung tuntutan bayaran balik kos dana termasuk tuntutan bayaran balik subsidi insentif kelas pertama, insentif diskaun bayaran balik, penyediaan geran sepadan SSPN dan bayaran moratorium mengikut keupayaan kewangan Kerajaan tahun semasa.

3. RUMUSAN

Secara keseluruhannya, bayaran balik pinjaman pendidikan yang tertungggak telah menunjukkan peningkatan dari tahun 2019 hingga 2023. Sehingga tahun 2023, jumlah tunggakan adalah RM10.853 bilion, manakala bayaran balik pinjaman pendidikan yang diterima pada tahun 2023 adalah berjumlah RM3.553 bilion (32.7%). Trend bayaran balik berbanding tunggakan adalah antara 7.3% hingga 79.3%. Kerajaan Persekutuan

telah menanggung kos dana pinjaman atau sukuk berjumlah RM8.359 bilion bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023. Selain itu, Kerajaan Persekutuan telah membuat bayaran balik terhadap perbelanjaan bagi Pelaksanaan Insentif Diskaun Bayaran Balik Pinjaman dan Insentif Pengecualian Bayaran Balik Pinjaman sejumlah RM1.268 bilion kepada PTPTN bagi tempoh tahun 2019 hingga 2023.

4. SYOR AUDIT

Pihak Audit mengesyorkan PTPTN mengambil tindakan seperti berikut:

- 4.1. Mengkaji semula mekanisme kutipan bayaran balik yang lebih efektif dan meningkatkan pemantauan terhadap pengurusan pinjaman pendidikan dengan menetapkan kutipan bersasar mengikut tahun tertunggak. Perkara ini bagi memastikan PTPTN tidak bergantung kepada pinjaman daripada institusi kewangan tempatan untuk melaksanakan fungsinya.
- 4.2. Mengkaji semula insentif diskon bayaran balik terhadap pinjaman pendidikan serta pengecualian 100% bayaran balik pinjaman pendidikan peminjam bagi yang menamatkan pengajian Ijazah Sarjana Muda Kelas Pertama atau setaraf dengannya kepada peminjam bersasar atau yang layak.
- 4.3. Melaksanakan tindakan penguatkuasaan yang telah diluluskan oleh Jemaah Menteri pada 5 Julai 2024 antaranya pengeluaran surat peringatan dan tindakan penguatkuasaan, notis tuntutan, saman serta penghakiman.